

24/10/2002

Parti Cina syor kelas tambahan

Jami'ah Shukri; Munaarfah Abu Bakar; Amirullah Andi Nur
PUTRAJAYA, Rabu - Kelas tambahan bahasa Inggeris, termasuk untuk subjek Sains dan Matematik, mungkin diadakan sebagai kaedah bagi memantapkan penguasaan bahasa itu di kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC).

Ini adalah antara cadangan yang dikemukakan parti Cina dalam Barisan Nasional (BN) pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN, semalam.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, bagaimanapun berkata cadangan itu akan dibincangkan lagi pada pertemuan lima parti Cina terbabit dalam tempoh seminggu ini.

"Parti Cina mahu pengajaran bahasa Mandarin dikekalkan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Bagaimanapun ada cadangan sama ada kita boleh mengadakan kelas tambahan di luar waktu persekolahan untuk memantapkan penguasaan bahasa itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam, semua sepakat untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, tetapi memberi tempoh seminggu kepada lima parti Cina merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi SJKC.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN semalam berkata, perkara itu adalah satu daripada tiga keputusan dicapai sebulat suara berhubung pelaksanaan pengajaran dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris.

Mengulas perkara itu, Dr Ling berkata, parti Cina terbabit akan turut mendapatkan pandangan pakar dalam bidang pendidikan untuk mencari rumusan terbaik bagi pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran itu.

"Kita akan buat keputusan berdasarkan kajian dan tiada kaitan dengan mana-mana persatuan Cina. Saya tidak mahu rundingan itu digembar-gemburkan media massa kerana kita tidak mahu isu ini dipolitikkan," katanya.

Sementara itu, difahamkan empat daripada lima parti itu mengadakan mesyuarat pertama petang ini, tetapi belum ada sebarang rumusan diputuskan.

Mesyuarat 45 minit itu yang bermula jam 4.30 petang di Hotel Equatorial di sini, dihadiri wakil MCA, Gerakan, Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP). Parti Liberal Demokratik (LDP) tidak hadir.

Di KOTA KINABALU, Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat, berkata parti itu tidak melihat wujudnya keperluan untuk menghadiri perbincangan berkenaan kerana sudah membuat pendirian berhubung perkara itu.

"Kita sudah menyatakan pendirian untuk menyerahkan kepada Kerajaan Pusat bagi membuat keputusan mengenai isu ini. Jadi pembabitan kami tidak penting dan tidak perlulah menghadiri perbincangan lanjut itu," katanya yang juga Ketua Menteri Sabah.